

25 SEP 2000

MAHATHIR-LONDON/I

DR MAHATHIR AKAN BERUCAP PADA PERSIDANGAN LONDON 5 OKT INI

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap-tama pada persidangan "Kerjasama Malaysia-Britain untuk Abad ke-21" yang akan berlangsung di London pada 5 Oktober.

Persidangan itu yang akan diadakan sempena dengan mesyuarat tahunan Majlis Perniagaan Malaysia-Britain, adalah anjuran Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (ASLI) dan Asia House London.

Kira-kira 60 ahli perniagaan terkemuka dijangka menghadiri persidangan besar berkenaan yang akan dirasmikan oleh Setiausaha Perdagangan dan Industri, Britain, Stephen Byers.

"Perdana Menteri akan turut mengadakan sesi dialog dengan para peserta pada persidangan berkenaan," kata ketua pegawai eksekutif ASLI merangkap pengarah eksekutif bersama Majlis Perniagaan Malaysia-Britain Datuk Michael Yeoh.

Persidangan ini akan memberi tumpuan kepada bagaimana meningkatkan hubungan perniagaan dua hala antara Britain dan Malaysia, di samping memberi maklumat terkini mengenai hala tuju ekonomi Malaysia dan prospek-prospek pelaburan kepada ahli-ahli perniagaan Britain, kata beliau di dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Antara yang akan turut berucap pada persidangan itu, termasuklah pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Tan Sri Dr Noordin Sopiee, Gabenor Bank Negara Malaysia Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan pengerusi Multimedia Development Corporation Sdn Bhd Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Satu seminar khas mengenai pasaran kewangan dan modal akan juga diadakan di London bagi menerangkan perkembangan terkini mengenai prospek-prospek pasaran modal Malaysia kepada pengurus-pengurus dana dan pelabur-pelabur institusi Britain.

"Pengerusi eksekutif BSKL (Bursa Saham Kuala Lumpur), Datuk Mohd Azlan Hashim, akan memaparkan mengenai perkembangan urus seliaan korporat di Malaysia bagi menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur Britain di samping mendapatkan semula keyakinan di kalangan dana-dana institusi," kata Yeoh.

Beliau berkata inilah pertama kali strategi serampang dua mata diguna pakai iaitu dengan mengadakan dua acara serentak di London, satu memberi tumpuan kepada hubungan perniagaan dua hala secara lebih meluas dan satu lagi menyentuh khasnya mengenai pasaran modal dan pembiayaan.

Mesyuarat Majlis Perniagaan Malaysia-Britain akan diadakan di London dan akan dipengerusikan secara bersama oleh Sir Patrick Gillam, pengerusi Standard Chartered Bank, dan Mirzan Mahathir, presiden ASLI.

Majlis itu akan membincangkan beberapa inisiatif dan program bersama di dalam teknologi maklumat, pembangunan infrastruktur dan pembangunan pendidikan dan sumber manusia.

Yeoh berkata, "Majlis ini juga mungkin mengwujudkan dua kumpulan kerja yang akan memberi tumpuan kepada industri Bioteknologi/Kehidupan Sains dan Pelancongan/Perhotelan yang merupakan bidang pertumbuhan yang penting bagi Malaysia."

Dr Mahathir juga akan menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh kerajaan Britain.

Antara ahli-ahli perniagaan terkemuka yang akan menghadiri persidangan itu ialah Tan Sri Azman Hashim, pengerusi kumpulan Perbankan Arab-Malaysian; pengerusi Telekom Malaysia Bhd Datuk Radzi Mansor; dan

pengarah urusan YTL Corporation Tan Sri Francis Yeoh. -- BERNAMA  
MK SHY AA OS